

## Agong berkenan rasmi Institut Kesihatan Negara

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Ogos 9, 2022 @ 6:14pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (dua, kiri) dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (tiga, kanan) berkenan melawat ruang pameran selepas merasmikan Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam hari ini. Turut hadir Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin (kanan) dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (empat, kiri). - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

bertitah Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam, dekat sini, adalah penanda aras yang akan membawa kesihatan negara ke tahap lebih baik demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

"Beta ucapkan tahniah atas kewujudan kompleks institut kesihatan ini yang begitu lama ditempatkan di beberapa lokasi di seluruh negara," titah baginda pada Majlis Perasmian Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam hari ini.

Keberangkatan baginda diiringi Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Turut hadir ke majlis berkenaan adalah Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah; Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis perasmian berkenaan, Khairy berkata, NIH beroperasi sepenuhnya pada 2019 dengan jumlah keseluruhan kakitangan institut itu berjumlah 1,486 orang.

Beliau berkata, terdapat dua pejabat dan enam institut dalam NIH iaitu Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Kesihatan Umum (IKU); Institut Penyelidikan Klinikal (ICR); Institut Pengurusan Kesihatan (IHM); Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHRS); Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) serta Pejabat Pengurus dan Pejabat Pendaftar.

"NIH ini disasarkan menjadi satu daripada institut penyelidikan kesihatan bertaraf antarabangsa.

"Mengorak langkah ke hadapan, NIH merancang mempertingkatkan penyelidikan precision medicine, vaksin, perubatan tradisional dan komplementari, kohort kelahiran dan National Quality Improvement Programme.

"NIH juga akan memanfaatkan kepelbagaian data yang tersedia dengan membangunkan ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (Big Data Analysis) bagi tujuan penyelidikan melalui pelan strategik pendigitalan Kementerian Kesihatan (KKM) 2021-2025," katanya.